From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENSYARAH SBM UUM BERKONGSI ILMU BERSAMA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)
Date: Sunday, 20 September, 2026 8:50:39 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Prof. Madya Dr. Md Lazim Mohd Zin
Gambar oleh: Kumpulan Penyelidik Nexus5_HRM, SBM, UUM

PENSYARAH SBM UUM BERKONGSI ILMU BERSAMA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)



UUM ONLINE: Alor Setar – Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan jaringan universiti dan agensi melalui penganjuran Program Perkongsian Ilmu “Memahami Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pengurusan Sumber Manusia: Aplikasi, Peluang dan Cabaran” bersama Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di Kompleks Ibu Pejabat KEDA pada 10 September lalu.

Program berkenaan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga KEDA mengenai perkembangan dan potensi penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan sumber manusia (HRM), khususnya melibatkan fungsi penstafan, latihan dan pembangunan, imbuhan dan ganjaran, penilaian prestasi dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Perkongsian ilmu disampaikan oleh barisan pensyarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, SBM UUM, yang diketuai Prof. Madya Dr. Md Lazim Mohd Zin bersama-sama dengan empat ahli penyelidik iaitu Prof. Dr. Chandrakantan Subramaniam, Prof. Madya Dr. Hadziroh Ibrahim, Prof. Madya Dr. Johanim Johari dan Prof. Madya Dr. Tan Fee Yean.

Program tersebut disertai oleh staf Unit Pengurusan Sumber Manusia di Ibu Pejabat KEDA dan staf yang mengendalikan fungsi sumber manusia dari semua zon KEDA di seluruh negeri Kedah. Turut hadir ialah Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia KEDA, Muhammad Rifqi Zulkifli.



Selain berkongsi mengenai aplikasi dan peluang yang ditawarkan oleh teknologi AI, peserta turut didedahkan kepada kemahiran yang diperlukan oleh staf HR dalam mendepani perubahan teknologi, di samping aspek cabaran, risiko, etika dan penggunaan AI secara bertanggungjawab dalam pengurusan sumber manusia.

Dr. Md Lazim berkata, perkembangan AI membuka ruang kepada fungsi HR untuk dilaksanakan dengan lebih cekap dan strategik, namun penggunaannya perlu disertai pertimbangan manusia yang sewajarnya.



“AI bukan bertujuan menggantikan peranan staf HR, sebaliknya menjadi alat yang membantu meningkatkan kecekapan dan menyokong proses membuat keputusan. Justeru, staf HR perlu meningkatkan literasi AI dan kemahiran digital serta memahami aspek etika dan tanggungjawab dalam penggunaannya,” katanya.

Program yang dilaksanakan secara interaktif itu turut memberi ruang kepada peserta untuk memahami contoh penggunaan aplikasi dan platform berasaskan AI dalam tugasan HR serta membincangkan implikasinya terhadap peranan staf sumber manusia pada masa hadapan.



Penganjuran program ini bukan sahaja menjadi medium pemindahan dan perkongsian ilmu kepakaran antara UUM dan KEDA, malah menyokong usaha memperkukuhkan hubungan strategik universiti dengan komuniti dan industri serta memperluaskan impak kepakaran akademik kepada organisasi dan masyarakat.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.